

Memfaatkan Kaedah Kontrastif dalam Penyelidikan Islam

Idris Awang

Abstract

Contrastive Analysis (CA) is a research method widely used in Applied Linguistics to provide guidelines to course planners and teachers in constructing suitable foreign language courses to learners of a common linguistic background. Despite the debate on the practicality of its contrastive analysis hypothesis, CA has contributed tremendously to foreign language teaching and learning. If that's the case in Linguistics, could CA do the same thing to other areas of studies? The current article looks into the possibility in the Islamic Studies, particular the Islamic law, by looking into researches in the area.

Pendahuluan

Kaedah kontrastif dan kaedah perbandingan dalam penyelidikan ialah dua kaedah yang berbeza di sebalik persamaan-persamaan tertentu. Kaedah perbandingan selalunya menghasilkan senarai persamaan dan perbezaan di antara dua unsur yang diperbandingkan dan mungkin diikuti dengan sedikit perbincangan dan rumusan tentang persamaan dan perbezaan itu. Kajian yang menggunakan kaedah perbandingan (kajian perbandingan) ini seolah-olah menyediakan input untuk digunakan oleh pihak atau penyelidik lain kemudiannya. Berbeza dengan kajian yang menggunakan kaedah kontrastif (kajian kontrastif) yang lebih mengutamakan perbezaan yang terdapat pada dua unsur yang dibandingkan walau pun persamaan juga diambil kira. Kajian kontrastif juga memberi fokus dan menjelaskan implikasi dari persamaan dan perbezaan yang terdapat itu serta mengemukakan perancangan secara detail untuk mendapat faedah dari keadaan yang dikenal pasti itu.

Dalam Linguistik Gunaan, kajian kontrastif digunakan untuk membantu guru-guru atau badan-badan pendidikan untuk merangka sesuatu kursus bahasa kedua/asing kepada sesuatu kumpulan pelajar yang mempunyai latarbelakang linguistik yang sama. Di Eropah banyak terdapat institusi kajian kontrastif yang melaksanakan tugas-tugas ini seperti the Polish and English Contrastive Project, Yugoslav Serbo-Croatian and English Contrastive Project, Hungarian and Russian Contrastive Project dan Swedish and Finish

Contrastive Project. Projek-projek kontrasitif ini telah berjaya menghasilkan banyak strategi dan juga bahan untuk pengajaran bahasa di daerah-daerah bahasa berkenaan. Dalam konteks Malaysia, kajian kontrasitif antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab, misalnya, akan dapat menampakkan perbezaan dan persamaan di antara kedua-dua bahasa ini dalam aspek-aspek sistem bunyi, struktur nahu dan semantik atau lebih khusus dari itu seperti cara menunjukkan masa lalu, kini dan masa hadapan dalam kedua-dua bahasa berkenaan. Persamaan dan perbezaan yang dikesan itu, boleh digunakan oleh badan tertentu atau guru-guru Bahasa Arab sendiri untuk merangka kursus dan pendekatan dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua kepada pelajar-pelajar Melayu. Persamaan yang ada boleh digunakan sebagai jalan pintas dan perbezaan yang dikesan boleh membantu dalam merangka kursus dan pendekatan pengajaran yang lebih ekonomik dari sudut masa dan perbelanjaan dan lebih penting dari itu ialah lebih efektif. Dengan ini, dapat kita katakan bahawa hasil kajian kontrasitif lebih konkrit dan praktikal berbanding dengan kajian perbandingan biasa. Metodologi kajian kontrasitif ini boleh digunakan dalam disiplin-disiplin lain dengan pengubahsuaian yang sesuai dengan tabii disiplin berkenaan.

Asal usul kajian kontrasitif

Kajian kontrasitif mempunyai asal usul dalam teori pindahan atau *transfer theory* dalam disiplin Psikologi¹ yang kemudiannya di bawa masuk ke dalam Linguistik oleh Charles Fries dan dikembangkan oleh Robert Lado.² Lado telah mengemukakan teori bahawa persamaan yang wujud di antara bahasa ibunda dan bahasa yang dipelajari akan memudahkan proses pembelajaran, sebaliknya perbezaan yang terdapat akan menyukarkan proses berkenaan. Teori ini kemudiannya dikenali dengan hipotesis analisis kontrasitif. Lado mencadangkan bahawa guru yang mengajar bahasa asing hendaklah mengkaji bahasa ibunda pelajarnya dan mengesan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa berkenaan. Persamaan dan perbezaan ini akan membantu guru berkenaan dalam membentuk pendekatan dan menyusun bahan pengajarannya dengan lebih baik dan relevan dengan situasi pelajar-pelajarnya.³ Apa yang ditekankan oleh Lado di sini ialah implikasi dari persamaan dan perbezaan ke atas pengajaran seperti yang diperkatakan di atas.

Aplikasi

Dalam melaksanakan kajian kontrasitif ini, isu yang timbul ialah adakah wajar memperbandingkan dua unsur yang jelas berbeza. Kalau membandingkan konsep ekonomi konvensional dengan ekonomi Islam sudah tentu perbezaan yang dihasilkan kerana ekonomi konvensional bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan barangan walau pun dalam perlaksanaannya terpaksa menggunakan tekanan, kadang kala mengeneipkan keadilan dan perasaan insaniah. Ekonomi konvensional menganggap manusia sebagai pemilik harta, manakala dalam ekonomi Islam harta ialah amanah Allah (SWT) dan urusan ekonomi hendaklah berasaskan kesaksamaan dan kebajikan - keuntungan hendaklah dibahagikan secara adil dan risiko yang ada ditanggung bersama oleh pemberi modal dan pengurus modal. Di samping itu zakat diwajibkan dan telah ditentukan pihak yang berhak menerimanya. Dalam lain perkataan perbezaan antara keduanya adalah jelas. Dari sudut

konsepnya, tentu sekali kajian kontrastif terhadap kedua-dua unsur itu tidak perlu dilakukan kerana hasilnya adalah perbezaan-perbezaan yang ketara dan kalau ada pun persamaan ianya tidak signifikan dalam konteks perbezaan yang jelas itu.

Dalam kajian kontrastif, perbezaan yang menjadi tumpuan utamanya. Namun demikian perbezaan-perbezaan itu hendaklah diasaskan di atas persamaan yang ada. Persamaan ini mungkin pada konsep umum, prinsip, tujuan atau pun amalan. Penentuan persamaan atau *common ground*⁴ ini merupakan langkah pertama dalam kajian kontrastif, kerana kalau langsung tidak ada persamaan atau tidak ada sudut yang sama yang boleh dibandingkan maka ianya tidaklah wajar dilakukan. Adalah tidak wajar untuk membuat kajian kontras terhadap sistem sebutan atau fonologi bahasa Melayu dengan sistem ejaan dalam bahasa Arab kerana kedua-duanya adalah unsur yang mempunyai latar yang tidak sama. Yang wajar ialah membuat kontras terhadap fonologi bahasa Melayu dengan fonologi bahasa Arab. Iwen Husein McCoy⁵ yang mengkaji pernyataan yang menunjukkan maksud masa dan ruangnya dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia telah menggunakan petunjuk masa dan aspek dalam Bahasa Indonesia sebagai persamaan dengan *tense* dan *aspect* dalam bahasa Inggeris. Demikian juga Khoo Boo Teong telah menggunakan *shahadah* dalam undang-undang Islam sebagai asas persamaan dengan *oral evidence* dalam undang-undang konvensional.⁶ Manakala Abdul Razak Musa pula membandingkan hukuman rotan dalam Undang-undang Malaysia dengan hukuman rotan dalam Undang-undang Islam.⁷ Dalam melaksanakan kajian kontrastif, persamaan istilah tidak seharusnya dianggap sama. Konsep *jenayah* dalam undang-undang Malaysia dan undang-undang Islam mempunyai skop yang berbeza. Persamaan seperti ini perlu sentiasa diawasi sepanjang kajian untuk mengelak dari sebarang kekeliruan yang akan timbul dan menjejaskan hasilnya.

Langkah kedua dalam kajian kontrastif ialah membuat deskripsi lengkap terhadap kedua-dua (atau lebih) unsur yang hendak dikontraskan itu dan deskripsi berkenaan perlu berasaskan teori tertentu bagi mengelakkan kekeliruan atau kelemahan yang boleh menyukar dan mencatatkan proses kontras berikutnya. Nils Erik Enkvist menyatakan 'It is now a truism that all Contrastive Linguistics must be based on some theory and model of linguistic description. Without such a foundation we simply cannot compare and contrast in a systematic way.'⁸ Dalam aspek yang sama Oleksy menyatakan 'Contrastive study cannot be fruitfully carried out if devoid of solid theoretical foundation. Without a theoretical basis the contrastive enterprise will be nothing but a compilation of inventories of similarities and differences in the compared languages'.⁹ Metodologi yang digunakan hendaklah yang sesuai dan menjadi amalan dalam disiplin pengajian berkenaan dan hendaklah diikuti setepat mungkin supaya deskripsi yang dihasilkan nanti mempunyai sistem yang memudahkan proses kontras. Keberkesanan dan kekuatan proses kontras banyak bergantung kepada sejelas dan selengkap mana deskripsi yang dibuat. Sekiranya deskripsi-deskripsi itu tidak berasaskan teori atau metodologi tertentu kemungkinan besar kesetabilannya tidak konsisten dan mempunyai banyak kelemahan. Dengan demikian perbezaan dan persamaan dan jarak mereka tidak jelas dan kurang boleh dipertanggungjawabkan.

Sumber data yang menjadi komponen kepada deskripsi adalah sama penting dengan metodologi deskripsi itu sendiri. Sumber data yang lemah hanya akan melahirkan deskripsi yang tidak tepat. Kalau data itu dari sumber empirikal, maka kaedah

pengumpulannya hendaklah yang sesuai dengan menggunakan sampel yang benar-benar mewakili populasinya. Abdul Razak Musa telah membuat deskripsi terperinci tentang cara hukuman rotan dijalankan berdasarkan undang-undang Malaysia dan peraturan serta amalan yang dilaksanakan di Penjara Taiping¹⁰, manakala tentang hukuman merotan dan kaedahnya dalam undang-undang Islam pula berdasarkan ayat al-Quran, hadis-hadis, sejarah dan amalan di setengah-setengah negara Islam.¹¹ Khoo Boò Teong telah menggunakan enakmen-enakmen Syariah yang dipakai di beberapa buah negeri di Malaysia dan juga pendapat-pendapat ulama yang berautoriti dari mazhab Hanafi dan juga Syafi'i sebagai asas untuk menjelaskan konsep dan ciri *syahadah*, manakala penjelasan tentang oral evidence pula adalah berdasarkan Akta 156 Undang-undang Malaysia.¹² Sumber-sumber yang autoritatif dalam kedua-dua kajian ini sukar untuk dipertikaikan kesahan datanya maka kontras yang dihasilkan mempunyai kekuatan yang sama.

Perbezaan dan persamaan di antara dua unsur jarang sekali absolut atau tepat tetapi mempunyai jarak-jarak tersendiri. Dari sudut praktikalnya, pengenalan jarak perbezaan dan persamaan ini adalah penting dan akan menjadi input yang signifikan dalam merancang dan merangka pembaikan sesuatu program atau peraturan.¹³ Proses mengenal pasti perbezaan antara unsur yang dikaji serta jarak atau sejauh mana mereka sama dan berbeza dilakukan dengan membandingkan kedua-dua deskripsi yang telah dibuat itu secara terperinci berdasarkan sudut-sudut yang sama, misalnya, kategori, konsep, ciri, peraturan dan pelaksanaan. Abdul Razak Musa¹⁴ mendapati bahawa walau pun hukuman merotan ada dalam undang-undang Malaysia dan Islam tetapi kaedah pelaksanaannya tidak sama. Pelaksanaan dalam undang-undang Malaysia lebih keras tetapi jauh dari pandangan masyarakat, manakala dalam undang-undang Islam lebih ringan tetapi bersifat mengajar pesalah berkenaan dan menjadi amaran kepada masyarakat dengan demikian hukuman itu dilakukan di tempat terbuka. Rumusan ini menunjukkan jarak perbezaan dalam hukuman rotan di antara kedua-dua undang itu.

Dalam menjelaskan perbezaan di antara *syahadah* dengan *oral evidence* dalam Evidence Act 1950 Khoo Boo Teong menjelaskan, *The closest twin to syahadah under the Evidence Act 1950 is direct to oral evidence. However this is where the similarity ends. On of the most significant differences between syahadah and direct oral evidence is that syahadah is biding upon the court whereas oral evidence is not. Another major difference would be that Islam is a mandatory condition for the giving of syahadah whereas religion plays no part in determining the ability to give direct oral evidence. This must necessarily be the case as syahadah is part of the Syariah which is the divine law whereas the Evidence Act 1950 is a man made law.*¹⁵

Petikan ini menunjukkan bahawa persamaan pada *syahadah* dan *direct oral evidence* hanya pada jenis sahaja sedangkan jarak perbezaan mereka adalah jauh. Kedudukan ini berpunca dari sumber kedua-dua undang-undang itu sendiri - *syahadah* adalah sebahagian dari undang-undang Allah (SWT) dan *direct oral evidence* dari undang-undang ciptaan manusia. Jarak perbezaan dan persamaan dalam kedua-dua kajian di atas boleh digunakan sebagai input untuk memperkemas undang-undang Malaysia.

Beberapa rumusan dari kajian Iwen Husein McCoy boleh memberi gambaran lanjut tentang jarak perbezaan antara dua unsur yang dikontraskan:

- a. The progressive construction of [the English] sentence ... implies continuousness of the action ... In Bahasa Indonesia, the meaning of continuousness is expressed by the particle *sedang*¹⁶
- b. Thus, the Perfective Progressive construction [e.g. has been knocking, has been falling] ... imply the combined meanings of the Perfective, referring to the period up to the moment of speaking, with the progressive meaning of repetition. In Bahasa Indonesia, the period leading up to the moment of speaking can be expressed by adverbials such as *sejak ...*, or *sudah*¹⁷

Hasil dari analisis kontrastif maksud ayat-ayat dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia ini menunjukkan jarak perbezaan dan persamaan dari sudut mekanismanya antara dua bahasa berkenaan dalam menyatakan ruang masa. Pengetahuan tentang perbezaan dan persamaan ini akan membantu guru dalam merangka pendekatan yang sesuai dalam pengajarannya tentang aspek khusus yang berkenaan itu. Dalam hal ini Dardjowidjojo menyatakan, '... if a teacher has this list [of similarities and differences] at his disposal, the explanation of the students' errors can be done with more ease.'¹⁸

Matlamat utama kajian kontrastif

Tujuan utama bagi kajian kontrastif bukan sekadar untuk menunjukkan persamaan dan perbezaan antara dua unsur yang diperbandingkan tetapi ialah untuk melahirkan cadangan yang konkrit dan praktikal. Oleh yang demikian cadangan yang dikemukakan itu perlulah berasaskan kepada teori atau amalan yang tertentu. Cadangan-cadangan Abdul Razak Musa di bahagian akhir kajiannya untuk meminda undang-undang Malaysia supaya menjadikan hukuman rotan lebih bererti dan berkesan¹⁹ tidak dianggap konkrit dari perspektif kajian kontrastif kerana tidak berdasarkan teori atau amalan yang jelas. Cadangan-cadangan yang dikemukakan hanyalah berasaskan analisis data sahaja dan juga pengetahuan individunya. Sebaliknya Iwen Husein McCoy yang sememangnya menggunakan kaedah kontrastif mengemukakan cadangan-cadangannya berasaskan prosidur dan model pengajaran Paulston dan Bruder yang didasarkan di atas kajian dan pengalaman yang konkrit.²⁰ Cadangannya yang dikemukakan itu menjelaskan kandungan kursus Bahasa Inggeris dan langkah-langkah yang jelas yang perlu diikuti oleh guru Bahasa Inggeris dalam kelas pengajaran lima puluh minit kepada pelajar-pelajar yang bahasa ibunda mereka bahasa Indonesia.

Walau pun sehingga kini kajian kontrastif ini hanya dilakukan dalam bidang Linguistik Gunaan sahaja, ianya boleh dilaksanakan dalam bidang-bidang lain, dengan ubahsuaian mengikut keadaan, untuk menghasilkan rumusan dan cadangan yang bukan sahaja jelas tetapi boleh dilaksanakan. Di Malaysia di mana terdapat dualisme dalam undang-undang, sistem ekonomi dan juga pengurusan, kajian kontrastif boleh memberi sumbangan yang bererti dalam memperkemaskan sistem-sistem yang diamalkan. Undang-undang Islam, sistem ekonomi, kewangan dan pengurusan Islam boleh digunakan sebagai asas untuk mewujudkan keadaan yang lebih sempurna. Kajian kontrastif lebih sesuai dilaksanakan dalam aspek-aspek yang praktikal seperti pendekatan dalam pengajaran berbagai-bagai bidang dan peringkat, dalam mencari proses yang sesuai bagi menyerapkan

nilai-nilai budaya yang murni dalam masyarakat, untuk mewujudkan hubungan kemasyarakatan yang lebih harmonis serta juga dalam mencari kaedah yang baik dalam mengurus organisasi dalam keadaan tertentu.

Rujukan

- 1 Sila lihat C. E. Osgood (1949), 'The similarity paradox in human learning: a resolution' *Psychology Review Vol. 5 No 1* 1949.
- 2 Robert Lado (1957), *Linguistics Across Cultures*, Ann Arbor: The Universiti Press. h.2
- 3 Teori Lado ini dikritik oleh beberapa orang ahli bahasa selepasnya seperti Jack C. Richards (1974), *Error Analysis*, Longman dan Harry L. Gradman (1970), *Contrastive Analysis Hypothesis: What it is and What it isn't*, Ann Arbor: University Microfilms.
- 4 Dalam istilah kajian kontrastif analisis persamaan latar ini dikenali dengan *tertium comparationis*.
- 5 Iwen Husein McCoy (1985), *Tense and Aspect: A Comparative Study of Meaning in English and Bahasa Indonesia*. (Disertasi PH.D. yang dikemukakan kepada Faculty of Graduate School, University of Texas).
- 6 Khoo Boo Teong (1995), 'Al-Syahadah with special reference to syurut al-syahid (Condition of Testimony): A comparative analysis with testimony by oral evidence under the Evidence Act 1950 (Act 56)' dalam *Monograf Syariah* 3, Mei 1995, hh. 117-130.
- 7 Abdul Razak Musa (1984), 'Perbandingan hukuman rotan di Malaysia dengan hukuman rotan di sisi Undang-undang Islam'. (Kertas Projek, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya).
- 8 Nil Erik Enkvist (1984), 'Contrastive Linguistics and Text Linguistics', dalam Fisiak (ed.), *Contrastive Linguistics: Prospect and Problems*, Mouton Publishers, Berlin, h. 45.
- 9 Wieslaw Oleksy (1986)'Some recent approaches to equivalence in contrastive studies' dalam Kaskovsky & Szwedek (ed) (19986), *Trends in Linguistics s. a. m. 32: Linguistics across historical and geographical boundaries*, Vol. 2, Mouton Publishers, Berlin.
- 10 Abdul Razak Musa, *op.cit.* hh. 108-112.
- 11 *Ibid.* hh. 115-120.
- 12 Khoo Boo Teong, *op. cit.*
- 13 Jakobovits (1970), *Foreign language learning: A psycholinguistic analysis of the issues*, Newbury House Publishers, Massachusetts, h. 203.
- 14 Abdul Razak Musa, *op.cit.*

- 15 Khoo Boo Teong, *op.cit.*
- 16 Iwen Husein McCoy, *op.cit.* h. 179.
- 17 *Ibid.* h. 185.
- 18 Dardjowidjojo (1972), 'Contrastive Analysis: Pros and Cons' dalam Nickel (ed.), *Association Internationale de Applique Linguistique Third Congress, Copenhagen 1972: Proceeding Vol. I*, Julius Verlag, Heidelberg.
- 19 Abdul Razak Musa, *op.cit.*
- 20 Iwen Husein McCoy, *op.cit.* h. 201.